



## KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

### DOKUMEN SEBUT HARGA

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE  
ASSESSMENT (SPA) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS  
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA. PENYEBUTHARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DI DALAM DOKUMENINI BOLEH MENYEBABKAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK DIPERTIMBANGKAN.

**“JAUHILAH DARI AMALAN RASUAH**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI  
TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

**SENARAI KANDUNGAN**

BIL	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.	<b>SEKSYEN 1</b> - Dokumen Pelawaan	3
2.	<b>SEKSYEN 2</b> - Arahan Dan Syarat-Syarat Kepada Penyebut Harga	7
3.	<b>SEKSYEN 3</b> - Jadual Spesifikasi Teknikal & Harga	14
4.	JADUAL 1 - Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal	
	JADUAL 2 - Jadual Harga	
	JADUAL 3 - Borang Sebut Harga	
	JADUAL 4 - Profil Syarikat	
	JADUAL 5 - Data – Data Kewangan	
	JADUAL 6 - Surat Akuan Penyebut Harga	
	JADUAL 7 - Senarai Semak (Check List)	

**SEKSYEN 1**

**DOKUMEN PELAWAAN SEBUT HARGA**

LAMPIRAN A

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga:  
**MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga.

Kepada (Nama Syarikat)

Pelawaan sebut harga dikeluarkan  
Oleh Kementerian / Jabatan (Alamat Lengkap)

No. Pendaftaran dengan Kementerian  
Kewangan: \_\_\_\_\_

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN  
INOVASI  
SEKSYEN PEROLEHAN, BAHAGIAN  
KEWANGAN,  
ARAS 7, BLOK C4, KOMPLEKS C,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN,  
62662 PUTRAJAYA.**

Sijil Pendaftaran dengan Kementerian  
Kewangan Malaysia di bawah kod bidang  
210105, 210106, 210107 dan bertaraf  
Bumiputera dan alamat pendaftaran  
dengan Kementerian Kewangan di  
Putrajaya/Kuala Lumpur/Selangor.

Tarikh : 15 September 2017

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **DENGAN TANGAN ATAU EMAIL**
  - 1.2. Tarikh akhir penyerahan tawaran: **20 September 2017 JAM 12.00 TENGAH HARI**
  - 1.3. Alamat Penghantaran :

**Dengan tangan:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
BAHAGIAN KEWANGAN (SEKSYEN PEROLEHAN)  
ARAS 7, BLOK C4, KOMPLEKS C,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62662 PUTRAJAYA  
(u.p.: PUAN MARIAH BINTI OMAR)**

**Dengan e-mail:**

**mariah@mosti.gov.my**

**Nama Pegawai untuk dihubungi: Puan Lieyana binti Selamat  
No telefon: 03-8885 8072**

- 1.4. Sekiranya dihantar melalui tangan, tawaran sebut harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat dan bertanda:

**'No. Sebut harga: MOSTI/BPTM/SH/36-2017'**

- 1.5. Sebut harga hendaklah dikemukakan atau di email kepada pegawai di atas tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari** pada **20 September 2017**, dan
- 1.6. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan,  
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi,  
Aras 7, Blok C4, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62662 Putrajaya

Tarikh: 15 September 2017

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1	Tajuk Perolehan:  <b>PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI TAHUN 2017</b>	1	1	1	RM
2	Spesifikasi perkhidmatan adalah seperti di lampiran yang disertakan.  Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang <b>210105, 210106, 210107</b> dan juga sijil Bumiputera dan sijil pendaftaran lain yang berkaitan.	Butiran harga seperti di <b>JADUAL 1</b>			
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>					<b>RM</b>

Nota: Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

T/tangan Penyebut  
harga : \_\_\_\_\_  
Nama dan K/P : \_\_\_\_\_  
Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**MUSTAHAK – LIHAT SYARAT-SYARAT AM DI BELAKANG**

**SEKSYEN 2**

**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan sepermata syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KAEDAH BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

- i. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
- ii. Tawaran harga hendaklah dikemukakan **tanpa kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**. Syarikat yang berjaya akan dihubungi untuk mendapatkan pengisytiharan status pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) bagi tujuan pelarasan kenaan GST dalam Surat Setuju Terima.
- iii. Syarikat yang mengisyiharkan tidak dikenakan GST di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, syarikat hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Kementerian ini berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST 2014.

### **3. SEBUT HARGA KESELURUHAN / SEBAHAGIAN**

Sebut harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PENYETUJUAN**

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai setuju sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- i. Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- i. Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- ii. Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- iii. Fasal-fasal (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**13. PEMBUNGKUSAN**

- i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

**14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah dinyatakan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**16. MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**17. PEMBUNGKUSAN**

- i. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**- RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG -**

### **NOTA KEPADA PENYEBUT HARGA**

Sebut harga ini mempunyai syarat-syarat dan spesifikasi yang perlu dipatuhi oleh semua penyebut harga bagi **Perolehan Perkhidmatan Security Posture Assessment (SPA) di Ibu Pejabat Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Bagi Tahun 2017**. Penyebut harga perlu mematuhi keperluan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MOSTI seperti yang tertera di bawah.

#### **AM**

- a) Sebut harga ini hanya dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di **Putrajaya/Kuala Lumpur/Selangor** di bawah kod bidang **210105, 210106, 210107**.
- b) Pendaftaran Penyebut Harga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebut harga yang dikemukakan. Sesalinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dalam tawaran sebut harga.

#### **DOKUMEN SEBUT HARGA**

- a) Hanya dokumen sebut harga yang dikeluarkan oleh MOSTI akan diterima. Dokumen-dokumen lain yang diperolehi daripada sumber-sumber selain daripada yang tersebut di atas atau fotostat/offset tidak akan diterima.
- b) Dokumen sebut harga ini mestilah ditaip atau ditulis dengan terang. Tiada pindaan dalam dokumen sebut harga diterima tanpa ditandatangani oleh Penyebut harga.

#### **PENYERAHAN SEBUT HARGA**

- a) Tawaran sebut harga yang dikemukakan haruslah disediakan berdasarkan format dan keperluan yang tertera dalam dokumen sebut harga ini.
- b) Pihak Penyebut harga hendaklah membaca dengan teliti dokumen sebut harga ini. Seterusnya Penyebut harga hendaklah **mengisi dan menandatangani serta menurunkan cop syarikat pada lampiran-lampiran dan jadual-jadual yang berkenaan**.

- c) Setiap tawaran sebut harga hendaklah dikemukakan dalam **satu (1)** sampul surat atau di email yang mengandungi perkara seperti berikut:
- i. LAMPIRAN Q untuk sebut harga (Lampiran A)
  - ii. Satu salinan pendaftaran syarikat (SSM)
  - iii. Satu salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan
  - iv. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (jika ada)
  - v. Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal (Jadual 1)
  - vi. Jadual Harga (Jadual 2)
  - vii. Borang Sebut Harga (Jadual 3)
  - viii. Profil Syarikat (Jadual 4)
  - ix. Data – Data Kewangan (Jadual 5)
  - x. Surat Akuan Penyebut Harga (Jadual 6)
  - xi. Senarai Semak (Jadual 7)

- d) Sampul surat ini hendaklah ditandakan seperti berikut:

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI  
TAHUN 2017**

- e) Dokumen Tawaran Sebut harga yang telah siap dan lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
BAHAGIAN KEWANGAN (SEKSYEN PEROLEHAN)  
ARAS 7, BLOK C4, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62662 PUTRAJAYA  
(u.p.: PUAN MARIAH BINTI OMAR)**

- f) Sebut harga hendaklah dihantar menggunakan tangan kepada alamat di atas atau diemailkan kepada **mariah@mosti.gov.my** tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari, 20 September 2017 (Khamis).**
- g) MOSTI tidak terikat untuk memilih keseluruhan pakej yang ditawarkan tetapi sebaliknya berhak untuk memilih sebahagian daripada item yang ditawarkan sahaja sekiranya perlu.

**SETUJU TERIMA SEBUT HARGA / PESANAN TEMPATAN**

- a) MOSTI akan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui.
- b) Kerajaan tidak terikat mempersetujui sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.

**PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan syarat dan spesifikasi sebut harga boleh menghubungi pegawai berikut:

Nama Pegawai untuk dihubungi :

**ENCIK MOHD AZREEN BIN ROSLAN**  
**No. Telefon: 03-8885 8926**

**PUAN LIEYANA BINTI SELAMAT**  
**(Urusetia Perolehan)**  
**No. Telefon: 03-8885 8072**

---

**- RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG -**

**SEKSYEN 3**

**JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL & HARGA**

JADUAL 1

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS  
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI TAHUN 2017**

NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

\* Sila tandakan (✓) di ruangan "YA" jika perkhidmatan boleh disediakan/dijalankan dan "TIDAK" jika perkhidmatan tidak dapat disediakan/dijalankan di ruangan PEMATUHAN. Kegagalan untuk melengkapkan bahagian ini boleh menyebabkan cadangan ditolak.

\*\* Penyebutharga perlu menyatakan cadangan spesifikasi pada ruangan KETERANGAN yang disediakan. Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan KETERANGAN tidak mencukupi. Jika cadangan yang dikemukakan perlu merujuk kepada mana-mana sumber, sila nyatakan dengan jelas rujukan muka surat pada sumber berkenaan di ruangan KETERANGAN.

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
<b>SEKSYEN 1 : SYARAT-SYARAT AM</b>						
1.	Penyebutharga perlu menyediakan perkhidmatan Security Posture Assessment (SPA) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Putrajaya dalam tempoh 2 bulan.	M				
2.	Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti SPA mengikut skop yang telah ditetapkan oleh MOSTI.	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
3.	Penyebutharga hendaklah mengemukakan cadangan metodologi dalam menjalankan aktiviti SPA sebagai <b>Lampiran B</b> .					
A	<b>Jadual Pelaksanaan</b>					
4.	Penyebutharga hendaklah mengemukakan Jadual Pelaksanaan terperinci yang merangkumi aktiviti-aktiviti SPA seperti berikut:  i. Ujian Penembusan ii. Rangkaian dan Hos iii. Analisis iv. <b>Corrective Action and Reassessment</b> v. Laporan  <i>*keterangan aktiviti diatas akan diterangkan pada Seksyen 2</i> <b>(Sila lampirkan Jadual Pelaksanaan (<i>Gantt Chart</i>) yang dicadangkan sebagai Lampiran C)</b>	M				
B	<b>Pengurusan Projek</b>					
5.	Penyebutharga hendaklah mengemukakan carta pasukan pengurusan projek yang terlibat dengan menyatakan bilangan tenaga kerja mengikut bidang tugas masing-masing.	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
	<b>(Sila lampirkan curriculum vitae ahli projek yang terlibat dengan aktiviti SPA sebagai Lampiran D)</b>					
6.	Penyebutharga hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam menjalankan aktiviti SPA. Sila sertakan ringkasan mengenai projek yang telah dijalankan termasuk:  a. nama & alamat agensi, b. nilai & tempoh projek,  <b>(Sila lampirkan senarai pengalaman syarikat dalam projek-projek berkaitan SPA sebagai Lampiran E)</b>	M				
7.	Penyebutharga hendaklah menyediakan Minit Mesyuarat/Nota Perbincangan beserta Laporan Kemajuan Projek ( <i>Progress Report</i> ) untuk setiap mesyuarat/perbincangan yang diadakan.	M				
C	<b>Jaminan</b>					
8.	Penyebutharga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :  a. kebolehsediaan ( <i>availability</i> ) yang tinggi bagi semua server dan aplikasi beroperasi semasa aktiviti SPA	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
	<p>dijalankan.</p> <p>b. keselamatan sistem yang mantap dan berprestasi tinggi</p> <p>c. semua sistem di dalam skop SPA beroperasi dalam tempoh 24 jam sehari x 7 hari seminggu tanpa gagal.</p>					

**SEKSYEN 2 : SKOP PROJEK**

	<b>i. Ujian Penembusan</b> Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:					
9.	Menjalankan pengujian penembusan untuk mendapatkan akses secara <i>remote</i> kepada sistem, fail-fail dan maklumat agensi. Pengujian penembusan perlu dijalankan melalui alamat IP dalaman ( <i>internal IP</i> ) dan alamat IP luaran ( <i>external IP</i> )	M				
10.	Menjalankan <i>network sniffing</i> untuk mendapatkan maklumat yang disalurkan ke rangkaian	M				
11.	Mengenal pasti sebarang kelemahan aplikasi atau konfigurasi yang boleh menjelaskan keselamatan ICT	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
12.	Menamatkan sebarang aktiviti penembusan setelah berjaya memasuki sistem ICT bagi mengelakkan sebarang perubahan ke atas maklumat atau data sedia ada	M				
13.	Menjalankan pengujian <i>Denial of Services</i> (DOS) untuk menguji tahap ketersediaan rangkaian di MOSTI. Pengujian DOS hendaklah mendapat kebenaran dari MOSTI terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.	M				
14.	Menyemak keselamatan sistem pengoperasian dan konfigurasi tetapan ( <i>configuration setting</i> ).	M	16 server			
15.	Menyemak keselamatan sistem aplikasi. Contoh : <i>Cross Site Scripting</i> , <i>Database Injection</i> dan lain-lain.	M	5 aplikasi			
	<b>ii. Rangkaian dan Hos</b> Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:					
16.	Menilai reka bentuk rangkaian ICT dan menyemak parameter dan peranti-peranti keselamatan ICT. Peranti : 1 Firewall Rangkaian : 1 segmen DMZ dan 1 segmen Secured Zone	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
	<b>iii. Analisis</b> Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:					
17.	Mengklasifikasikan kelemahan pengoperasian sistem yang ditemui	M				
18.	Membuat rumusan jenis serangan penembusan	M				
19.	Mengenal pasti kelemahan sebenar dan memberi cadangan terhadap langkah-langkah pengukuhan yang dapat dilaksanakan	M				
	<b>iv. Corrective Action and Reassessment</b> Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:					
20.	Penyebutharga hendaklah melaksanakan tindakan pembetulan bagi penemuan kelemahan tahap <b><i>critical</i></b> dan <b><i>high</i></b> dengan kerjasama pentadbir sistem yang terlibat.	M				
21.	Penyebutharga hendaklah memastikan sebarang perubahan yang dilakukan tidak akan menjaskan operasi sistem.	M				
22.	Penyebutharga hendaklah menjalankan pengujian semula terhadap pembetulan yang telah dilaksanakan.	M				

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
	<b>v. Laporan</b> Penyebutharga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:					
23.	Menyedia dan membentangkan Laporan Penemuan selepas ujian penembusan dilaksanakan.	M				
24.	Menyediakan laporan tindakan pembetulan yang telah berjaya dilaksanakan, isu dan kekangan dalam memperbaiki tahap keselamatan sistem aplikasi.	M				
25.	Pembentangan Laporan Akhir hendaklah diberikan kepada pihak MOSTI di akhir projek.	M				
26.	Menyerahkan Laporan Akhir yang lengkap dan komprehensif dalam bentuk <i>Hardcopy</i> dan <i>Softcopy</i> .	M	3 salinan laporan			
<b>E</b>	<b>Keselamatan</b>					
27.	Penyebutharga hendaklah mematuhi Dasar Keselamatan ICT (DKICT) MOSTI.	M				
<b>SEKSYEN 3 : PERKHIDMATAN</b>						
<b>F</b>	<b>Help Desk</b>					
28.	Penyebutharga hendaklah menyediakan perkhidmatan <i>help desk</i> yang beroperasi <b>7 x 24</b> jam sepanjang tempoh projek.					

BIL.	SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	KUANTITI	PEMATUHAN*		KETERANGAN**
				YA	TIDAK	
29.	Penyebutharga hendaklah bersedia memberikan maklum balas mengenai status aduan apabila dihubungi.					

Saya/Kami mengesahkan maklumat di atas adalah benar.

**Nama Syarikat :** \_\_\_\_\_

**Nama Penuh :** \_\_\_\_\_

**Alamat Penuh :** \_\_\_\_\_

**No. Telefon :** \_\_\_\_\_

**Tarikh :** \_\_\_\_\_

**JADUAL 2****PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI TAHUN 2017**

NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017

**JADUAL HARGA**

BIL.	BUTIRAN	KUANTITI (A)	HARGA SEUNIT (RM) (B)	JUMLAH (RM) (A) X (B)
1.	PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA)	1		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

Nota:

- a. Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Pembekalan tidak termasuk di dalam Jadual Pematuhan ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Pematuhan Harga.

**Nama Syarikat :** \_\_\_\_\_

**Nama Penuh :** \_\_\_\_\_

**Alamat Penuh** : .....

**No. Telefon** : .....

**Tarikh** : .....

**BORANG SEBUT HARGA**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Seksyen Perolehan, Bahagian Kewangan  
Aras 7, Blok C4, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62662 PUTRAJAYA

Tuan,

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI  
TAHUN 2017****NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

Saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi perkhidmatan/bekalan yang ditawarkan sebanyak **RM..... (Ringgit Malaysia: .....** sahaja).

Tawaran ini mempunyai sah laku untuk tempoh selama **enam puluh (60) hari** dari tarikh sebut harga ini ditutup.

2. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya :

- a) Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh Kerajaan untuk penerimaan tawaran kami;
- b) Bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga;
- c) Bahawa Kerajaan berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran penyebutharga mengikut pakej atau menerima tawaran yang sama lebih daripada satu penyebutharga;
- d) Bahawa keputusan Jawatankuasa Sebut Harga MOSTI adalah muktamad;
- e) Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal (jika perlu) akan ditandatangani antara pihak kami dengan Kerajaan selaras dengan tawaran yang diberikan;

- 
- f) Bahawa Surat Akuan Sebut Harga ini berserta dengan Surat Setuju Terima atau Pesanan Tempatan hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan penyebutharga walaupun kontrak formal (rasmi) belum dilaksanakan/ditandatangani;
  - g) Bahawa harga yang kami tawarkan telah mengambil kira fi perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan di dalam 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK5/2013.
  - h) Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, Kerajaan boleh menarik balik penganugerahan sebut harga yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
  - i) Bahawa kami akan mematuhi segala syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

**Bagi pihak Penyebut harga**

Tandatangan Penyebutharga : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat / Cap Syarikat : \_\_\_\_\_

**Di hadapan :**

Tandatangan Saksi : \_\_\_\_\_

Nama Penuh Saksi : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan Saksi: \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)  
BAGI TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

**PROFIL SYARIKAT**

Bil.	Butiran	Maklumbalas
1.	Nama Syarikat :	
2.	Alamat:	
3.	No. Telefon :	
4.	No. Faks :	
5.	E-Mel :	
6.	Pendaftaran Syarikat a) No. Pendaftaran : b) Tarikh ditubuhkan :	
7.	Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia a) No. Pendaftaran b) Tarikh Mula : c) Tarikh Tamat : d) Kod dan bidang :	
8.	Modal Perniagaan a) Dibenarkan : b) Dibayar :	
9.	Komposisi modal dibayar a) Bumiputera : b) Bukan bumiputera :	
10.	Senaraikan pegawai/kakitangan syarikat yang berkenaan a) Nama : b) Jawatan : c) Kelulusan :	
	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>

Bil.	Butiran	Maklumbalas
11.	Senarai nama syarikat cawangan dan anak syarikat	
12.	Senaraikan jenis pembekalan/ perkhidmatan yang pernah diberi	
13.	Senaraikan pelanggan yang pernah berurusan dengan syarikat tuan	
14.	Maklumat bank a) Nama : b) No. Akaun :	<input type="text"/> <input type="text"/>
15.	Lain-lain maklumat bagi menyokong tawaran ini	
<p>Saya/Kami mengaku maklumat yang diberikan adalah benar.</p> <p>.....</p> <p>Nama: Cop Syarikat: (Wajib diisi)</p>		

**JADUAL 5****DATA-DATA KEWANGAN**

- A. Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbalan (Balance Sheet)\* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Aset* (A)	Liabiliti* (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A-B)
Semasa : RM Tetap : _____	Semasa : RM Tetap : _____	Semasa : RM Tetap : _____
Jumlah : RM _____	Jumlah : RM _____	Jumlah : RM _____

- B. Akaun Wang di tangan (Cash in hand)\*\*

1. Nama dan alamat bank dimana akaun dibuka :

.....  
.....

2. No. Akaun : .....

- C. Kemudahan Kredit (Jika Ada)+

1. Nama dan alamat Bank/Institusi Kewangan yang memberi kemudahan Kredit:

.....  
.....

2. Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk projek pembinaan.

- a. Overdraft atau Talian Kredit : RM
- b. Overdraft bercagar : RM
- c. Pinjaman Tetap yang akan/layak diperolehi : RM
- d. ..... : RM

Jumlah :  
\_\_\_\_\_

**Peringatan Penting**

- \* Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.

**JADUAL 6**

**SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI  
TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang  
(Nama Wakil Syarikat)

mewakili..... Nombor  
(Nama Syarikat)

Pendaftaran..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya  
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa\* bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama:

No.Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

**JADUAL 7**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA) DI  
IBU PEJABAT KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI  
TAHUN 2017**

**NO. SEBUT HARGA: MOSTI/BPTM/SH/36-2017**

**SENARAI SEMAK**

Sila tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil	Perkara	Lampiran	Untuk Ditanda Oleh Penyebut harga	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)			
2	Satu salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang dicetak daripada sistem ePerolehan.			
3	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera			
4	Borang Sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan	Lampiran Q		
5	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal	Jadual 1		
6	Jadual Harga	Jadual 2		
7	Borang Sebut Harga	Jadual 3		
8	Profil Syarikat	Jadual 4		
9	Data-Data Kewangan	Jadual 5		
10	Surat Akuan Penyebut Harga	Jadual 6		
11	Senarai Semak (Check List)	Jadual 7		

<b>PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Urus setia mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama Pengerusi
Jawatan :	Jawatan
Tarikh :	Tarikh